



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2023

Rujukan : Bil (46) dlm.MBI.B1 /12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

20 April 2023

Setiausaha Bandaraya
Pengarah-Pengarah Kanan Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

PENGGUNAAN BORANG AKUAN PELANTIKAN PENAMA BAGI ANGGOTA DAN PELANGGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

- Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa dalam merealisasikan Ipoh sebagai sebuah Bandaraya Bestari Sejahtera, pihak majlis dengan ini ke arah pelaksanaan pematuhan pengurusan kewangan yang patuh syariah.
- Sehubungan dengan itu, pihak majlis telah pun bersetuju dengan penggunaan borang akuan pelantikan penama bagi anggota dan pelanggan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai salah satu inisiatif ke arah pengurusan kewangan yang patuh syariah.
- Walau bagaimanapun, penamaan bagi penama yang dilantik haruslah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di Akuan Akad Penama serta mengikut kelayakan yang sepatutnya.
- Pihak majlis telah meluluskan jabatan yang akan menguruskan penamaan ini mengikut fungsi jabatan masing-masing adalah seperti di bawah:-

BIL	PENGURUSAN PENAMAAN BAGI	SELIAAN
1.	Pengurusan Tertinggi / Ahli majlis / Anggota Majlis	Jabatan Khidmat Pengurusan
2.	Pelanggan Majlis: Pembekal & Kontraktor	Jabatan Ukur Bahan
3.	Pelanggan Majlis: Pendeposit (Cagaran)	Jabatan Berkenaan yang menguruskan mengambil cagaran
4.	Pelanggan Majlis: Lain-lain (jika ada)	

ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2023

6. Oleh yang demikian, dipohon supaya pihak tuan/puan dapat memastikan supaya Borang Akuan Perlantikan Penama seperti di **Lampiran 1** dapat diisi oleh semua anggota dan pelanggan yang berurusan dengan pihak Majlis.
7. Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana anggota atau pelanggan Majlis, yang tidak membuat pelantikan penama tersebut semasa hayatnya, tuntutan akan diproses secara "Pembayaran Tanpa Penamaan" dengan mengisi Borang Perakuan Tanpa Penamaan seperti di **Lampiran 2**.
8. Diharapkan dengan penambahbaikan ini dapat melancarkan lagi pengurusan kewangan yang lebih patuh syariah di Majlis Bandaraya Ipoh. **Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BESTARI SEJAHTERA"

"IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023"

"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD, DPMP.,AMP.,PPT.)

**Datuk Bandar Ipoh
Majlis Bandaraya Ipoh**

"PERAK SEJAHTERA 2030"



**MAJLIS BANDARAYA IPOH
BORANG AKUAN PELANTIKAN PENAMA**

A. MAKLUMAT PERIBADI INDIVIDU

NAMA:	NO KAD PENGENALAN (BARU):
.....
ALAMAT:	NO KAD PENGENALAN (LAMA):
.....
.....	TARIKH LAHIR:
.....
POSKOD:	NO TELEFON / HP:
.....
PEKERJAAN :	NO PEKERJA MBI (JIKA BERKENAAN):
.....
AGAMA:	BANGSA:
.....

A. MAKLUMAT PENAMA KEPADA INDIVIDU

<input type="checkbox"/> BARU/ KALI PERTAMA	<input type="checkbox"/> KEMASKINI
--	---

PENAMA PERTAMA
 NAMA:
 NO K/P:
 PERHUBUNGAN:
 NO TEL / HP:
 ALAMAT:.....

PENAMA KEDUA
 NAMA:
 NO K/P:
 PERHUBUNGAN:
 NO TEL / HP:
 ALAMAT:.....

PENAMA KETIGA
 NAMA:
 NO K/P:
 PERHUBUNGAN:
 NO TEL / HP:
 ALAMAT:.....

B. AKUAN AKAD INDIVIDU

Saya bersetuju bahagian wang saya di dalam MAJLIS BANDARAYA IPOH dikelolakan dan diuruskan mengikut undang-undang dan peraturannya.

Dengan ini saya mengaku dan mengarahkan bahawa, apabila saya meninggal dunia, bahagian wang saya dalam MAJLIS BANDARAYA IPOH hendaklah dibayar kepada Penerima Namaan Pertama. Sekiranya Penerima Namaan Pertama meninggal dunia, maka hendaklah dibayar kepada Penerima Namaan Kedua. Sekiranya Penerima Namaan Kedua meninggal dunia, maka hendaklah dibayar kepada Penerima Namaan Ketiga.

Penama yang dinamakan dilantik sebagai wasi (pemegang amanah) / pentadbir dan akan mengurus tuntutan setelah saya meninggal dunia untuk diagih kepada waris-waris yang berhak mengikut hukum Islam (bagi yang beragama Islam) dan mengikut undang-undang perwarisan (bagi yang bukan beragama Islam).

Penamaan bagi penama yang berkenaan akan terbatal dan pengeluaran bahagian wang saya akan diproses sebagaimana **pembayaran tanpa penamaan, JIKA :-**

- i. Penama belum mencapai umur 18 tahun ATAU tidak waras ketika permohonan pengeluaran dibuat oleh penama; **ATAU**
- ii. Tiada permohonan pengeluaran dibuat oleh penama dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kematian saya; **ATAU**
- iii. Sekiranya akaun saya tidak aktif selama 1 tahun atau lebih, maka akaun saya bolehlah dikategorikan sebagai tidak aktif dan MAJLIS BANDARAYA IPOH berhak menguruskan Akaun saya dengan sewajarnya mengikut undang-undang dan peraturannya.

PERINGATAN:-

- i. Individu perlu membuat Penamaan baru dengan segera, sekiranya ketiga-tiga Penerima Namaan yang dilantik meninggal dunia terlebih dahulu.
- ii. **Pembayaran Tanpa Penamaan** - Sekiranya individu tidak pernah menamakan sesiapa sebelum kematian beliau, waris individu yang layak (Balu/duda ahli, anak-anak (atau penjaganya), ibu bapa, adik-beradik atau Pentadbir Pusaka) boleh membuat tuntutan pengeluaran bagi bahagian wang individu tersebut.

Saya mengaku penamaan ini memansuhkan penamaan yang telah saya buat sebelum ini. (jika berkenaan)

Saya yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengaku bahawa butiran-butiran yang diberi adalah benar.

C. PENGESAHAN INDIVIDU

D. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

<p>.....</p> <p style="text-align: center;">Tandatangan</p> <p>Nama:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>Tarikh Terima / Masa:.....</p> <p>Tarikh Daftar / Masa:.....</p> <p>.....</p> <p style="text-align: center;">Pegawai Pengesah dan Cop Pejabat</p>
---	--



**MAJLIS BANDARAYA IPOH
BORANG PERAKUAN PEMBAYARAN TANPA PENAMAAN**

Perakuan Tanggungjawab PENERIMA bahagian wang (si-mati).

Saya dengan ini sesungguhnya menyedari dan memahami bahawa tanggungjawab dan peranan saya sebagai **PENERIMA** kepada **pengeluaran** **bahagian** **wang** _____ (nama si-mati), _____ (no. dokumen pengenalan diri si-mati) _____ (hubungan)

adalah SEBAGAI WASI (pentadbir) sahaja dan saya HENDAKLAH mentadbir dan membahagikan jumlah wang pengeluaran simpanan tersebut kepada waris-waris si-mati yang berhak mengikut hukum Islam (bagi yang beragama Islam) dan mengikut undang-undang perwarisan (bagi yang bukan beragama Islam).

Saya juga memahami bahawa waris-waris si-mati yang layak boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas diri saya jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab dan peranan saya seperti di atas.

.....
Tandatangan PENERIMA

Nama Penama /Penerima :

No. Dokumen Pengenalan Diri :

Tarikh :

PANDUAN AM KELAYAKAN PEMOHON:-

1. Balu/duda ahli, anak-anak (atau penjaganya), ibu bapa, adik-beradik atau Pentadbir Pusaka (Surat Kuasa)
2. Pemohon wajib berumur 18 tahun
3. Borang Perakuan Pembayaran Tanpa Penama
4. Salinan Sijil Kematian
5. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
6. Maklumat Akaun Bank (pemohon digalakkan membawa buku akaun bank / penyata akaun bank / salinan akaun bank semasa membuat permohonan)
7. Bukti Pertalian (Sijil Lahir Pemohon)

PERINGATAN!:-

MEMBUAT KENYATAAN TIDAK BETUL ATAU TIDAK BENAR ATAU MENGEMUKAKAN DOKUMEN PALSU, PEMOHON BOLEH DISABIT DENGAN TINDAKAN PERUNDANGAN.